

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[SEPANG]**

**TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) Bilakah Kerajaan akan meminda Seksyen 51 Akta Memperbaharui Undang-undang (Pernikahan dan Penceraian) 1976 bagi menyelesaikan masalah pertembungan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berhubung isu penjagaan anak apabila salah satu pihak dalam perkahwinan di bawah Akta tersebut menganut agama Islam; dan
- (b) Jika Mahkamah Sivil diberi bidangkuasa dalam hal tersebut, apakah langkah diambil untuk memastikan hak kedua-dua pihak pasangan yang beragama Islam dan bukan Islam terbelas dan dijaga.

**JAWAPAN:(Y.B.MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan terhadap kebajikan dan kemaslahatan kanak-kanak. Dalam aspek hak penjagaan anak, kepentingan anak adalah mengatasi kepentingan pihak-pihak yang lain. Menurut prinsip hadhanah Islam, ibu adalah yang paling berhak bagi menjaga anak kecilnya semasa dalam perkahwinan atau selepas perkahwinan dibubarkan selagi tidak hilang kelayakan.

Kerajaan sedang mencari mekanisma terbaik bagi menyelesaikan masalah yang timbul apabila seorang daripada suami isteri bukan Islam memeluk Agama Islam, dengan mengambil kira kedudukan kedua-kedua mahkamah sivil dan Syariah.

Bagi menyelesaikan masalah pertembungan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah berhubung dengan isu penjagaan anak apabila salah satu pihak dalam perkahwinan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] menganut agama Islam, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menyediakan cadangan pindaan kepada Akta 164, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah

Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Selain cadangan pindaan kepada seksyen 51 Akta 164, cadangan juga melibatkan pindaan kepada relief sampingan lain yang berbangkit daripada pembubaran perkahwinan seperti hak penjagaan anak, nafkah bekas isteri, nafkah anak, pembahagian aset perkahwinan dan keperluan pasangan tersebut untuk menyelesaikan segala obligasi dan liabilitinya di bawah undang-undang yang mentadbir perkahwinannya sebelum perintah pembubaran perkahwinan dibenarkan oleh mahkamah.

Memandangkan cadangan pindaan kepada ketiga-tiga Akta 164, Akta 505 dan Akta 303 tersebut turut melibatkan pindaan kepada undang-undang Islam yang berkuat kuasa di negeri-negeri, cadangan pindaan tersebut telah dibentangkan kepada Majlis Raja-Raja atas arahan Jemaah Menteri pada 29 Jun 2009 untuk perkenan Majlis Raja-Raja. Majlis Raja-Raja telah memutuskan supaya cadangan pindaan tersebut dikemukakan untuk penelitian dan pandangan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri terlebih dahulu. Pada bulan November 2013, suatu mesyuarat telah diadakan antara Jabatan Peguam Negara dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi menjelaskan tujuan cadangan pindaan tersebut.

- (b) Semua mahkamah sama ada sivil atau Syariah berpegang kepada prinsip keadilan dalam memastikan hak pihak-pihak dalam perbicaraan terbela dan terjaga. Bagi maksud tersebut, pihak-pihak yang terlibat bertanggungjawab secara kolektif untuk memberi kerjasama bagi memastikan prosiding mahkamah dapat berjalan lancar dan kes yang dibicarakan dapat diselesaikan dengan adil dan dipatuhi.

Sekian, terima kasih.